

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 28/4/2014 |

2 NASIONAL

© ISNIN 28 APRIL 2014

BH

Sempena lawatan Presiden Obama ke Malaysia

Oleh Magendran Rajagopal, Azura Abbas, Lum Chee Hong, Sophia Ahmad, Luqman Ariff Abdul Karim, Noratikah Sulaiman dan Hafizi Omar • Foto oleh Effendy Rashid, Yazit Razali, Yusni Ariffin, Sairien Nafis, Aizuddin Saad, Abdullah Yusof, Khairull Azry Bidin, Osman Adnan, Shahril Badri, Asyraf Hamzah, Zaaba Zakeria dan Azhar Ramli
bhnews@bharian.com.my

Perkongsiian komprehensif

BH - 28/4/2014

» Lebih banyak kerjasama dalam fasa baharu hubungan Malaysia, AS

Putrajaya

Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) sepakat untuk meningkatkan hubungan dua hala yang sedia ada kepada perkongsiian komprehensif, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Langkah itu, katanya, menandakan fasa baharu dalam hubungan kedua-dua negara dan akan menyaksikan lebih banyak kerjasama dari segi ekonomi, keselamatan, pendidikan, sains, teknologi dan bidang lain.

"Kami juga memutuskan untuk meningkatkan lagi peranan Dialog Pegawai-Pegawai Kanan sebagai forum utama bagi perbincangan peringkat tinggi.

"Semua persetujuan bersama ini akan menjadi asas kukuh bagi memperbanyakkan kerjasama pada masa akan datang," katanya pada sidang media bersama Presiden AS, Barack Obama, selepas kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan dua hala di Seri Perdana, di sini, semalam.

Landasan kesederhanaan

Obama dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia, selepas 48 tahun lawatan Presiden AS ketika itu, Lyndon B Johnson, pada Oktober 1966.

Mengenai hubungan kedua-dua negara, Obama berkata, beliau melihat Malaysia sebagai pemimpin kritikal yang berjaya menggunakan landasan kesederhanaan bagi menjaga kemakmuran dan meningkatkan keselamatan serantau.

Beliau memuji usaha Najib meningkatkan daya saing ekonomi negara dengan meneroka potensi pembangunan era baru berteraskan kekuatan kepelbagaian etnik, agama dan pegangan politik.

"Malaysia selaku anggota pengasas Asean dan Sidang Ke-



Gambar selfie Najib bersama Obama di Seri Perdana, Putrajaya yang diambil dari Facebook Najib, semalam.

muncak Asia Timur adalah pemimpin penting dalam pembinaan institusi yang memperkukuhkan perpaduan ASEAN, yang turut menjadi harapan AS untuk ASEAN.

"Empat tahun lalu, bila saya menjemput Perdana Menteri Najib ke AS, kami membincangkan pelbagai isu merangkumi keselamatan, perdagangan dan pembangunan institusi serantau.

"Sempena lawatan saya ke Malaysia, hari ini (semalam) kita mengambil langkah untuk mengiktiraf secara rasmi pelbagai hubungan kerja dua hala yang dibincangkan sebelum ini," katanya.

Tahap baharu

Mengulas lanjut, Najib berkata, kehadiran Obama menandakan perkongsiian kedua-dua negara memasuki tahap ba-

haru dengan persahabatan dipererat dan perkongsiian lebih menyeluruh untuk menghadapi pelbagai cabaran bersama.

Katanya, Malaysia menyambut baik langkah AS membaiki keseimbangan terhadap Asia dan sumbangannya kepada keamanan, kestabilan serta kemakmuran serantau.

Benua membabitkan kedua-dua negara sebenarnya turut berkongsi lautan dan sepatutnya dihubungkan oleh dasar yang sama, malah Najib percaya semua pihak patut berkongsi kisah pertumbuhan cemerlang Asia, dengan syarat mereka juga berkongsi komitmen terhadap keamanan yang menjamin pertumbuhan itu.

Najib turut menyentuh perediaan Malaysia mengambil alih peranan sebagai penerusi ASEAN tahun depan dan

usahanya menduduki satu daripada kerusi wakil tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Peranan lebih besar

"Kami bersedia untuk semua ini... kami mahukan peranan lebih besar dalam menggalakan keamanan global dan kestabilan serantau. Dalam usaha ini dan banyak lagi, persahabatan kami dengan AS amat dihargai," kata Najib.

Perdana Menteri turut menyentuh peranan Kuala Lumpur dalam membantu menjayakan pemeteraian perjanjian damai di selatan Filipina, sekali gus menamatkan konflik yang meragut nyawa 150,000 orang dan pada masa sama, menghalang kemungkinan Al-Qaeda dan sekutunya bertapak di rantau ini.